

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RPK 531 - TEORI DAN FALSAFAH PERANCANGAN

Masa : ( 3 jam )

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: Bahagian A adalah Wajib dan Tiga soalan daripada Bahagian B.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

1. Perancangan bandar boleh dikatakan telah secara rasminya wujud pada zaman industri revolusi di England dan dianggapkan berakar umbi dengan fenomena 'kesihatan awam'.
  - a) Bincangkan perkembangan yang telah dialami oleh bidang perancangan bandar. Betapa pentingkah fenomena 'kesihatan awam' dalam perancangan bandar pada hari ini? (20 markah)
  - b) Nilaikan fenomena 'kesihatan awam' dalam konteks perancangan dan pembangunan di Malaysia. (20 markah)

(40 markah)

**BAHAGIAN B (Jawab Tiga soalan sahaja)**

2. Kaedah *hypothetico-deductive* adalah tersirat dalam sistem dan amalan perancangan bandar. Huraikan.

(20 markah)
3. Perdebatan dalam perancangan bandar meliputi pendekatan-pendekatan seperti *analytical*, *urban form* dan *procedural* yang telah mengakibatkan teori perancangan bandar menjadi 'membingungkan dan tidak praktikal'. Sila beri pandangan anda.

(20 markah)



4. Mengapa dan bagaimanakah sistem perancangan bandar telah diubahsuaikan untuk menerapkan unsur-unsur persekitaran (*environmentalism*)?

(20 markah)

5. Badan-badan bukan kerajaan (NGO's) telah dikatakan berperanan penting dalam pembangunan era 19-an. Berkekalankah situasi tersebut untuk pembangunan era 20-an?

(20 markah)

6. Dari segi keintelektualan, perancangan komprehensif dianggap tegar (*rigid*) dan mungkin juga sudahpun lumpuh. Walau bagaimanapun, pendekatan perancangan ini masih lagi diamalkan. Sila beri komen.

(20 markah)

-oo000oo-

